

D MALAM KEBUDAYAAN KUKUM 2003

Malam Kebudayaan KUKUM 2003 ini telah diadakan bersempena dengan Upacara Pecah Tanah Kampus Tetap KUKUM dan juga Sambutan Setahun Penubuhan KUKUM. Ianya telah diadakan di Tapak Kampus Tetap KUKUM Ulu Pauh, Arau, pada 2 Jun 2003 dan telah dihadiri oleh kira-kira 15,000 orang penonton untuk menyaksikan pelbagai persembahan kebudayaan dan nyanyian artis tempatan dan popular. Pada malam tersebut para tetamu telah dihiburkan oleh dua artis terkemuka tanah air yang didatangkan khas dari Kuala Lumpur iaitu Jamal Abdillah dan juga Siti Sarah. Di samping itu, pelbagai persembahan juga telah dipertontonkan oleh Kumpulan Pancaragam MPK, Kumpulan Pancaragam KUKUM serta kumpulan kebudayaan dari Taman Budaya dan Mayang Sari.

Majlis juga turut diserikan dengan cabutan bertuah dengan pelbagai hadiah yang menarik telah disediakan kepada pemenang. Y. Bhg. Rektor, Prof. Dr. Kamarudin Hussin turut menyampaikan ucapan aluan kepada hadirin yang hadir. Malam Kebudayaan ini sesungguhnya telah dapat merapatkan lagi hubungan antara KUKUM dengan pihak luar.